

TAJUK	:	Seminar Peningkatan Produktiviti Melalui Pendekatan Behavioural Insights (BI) Untuk Penjawat Awam Di Wilayah Utara
JANGKA MASA	:	Julai – Disember 2022
KOS	:	Pembangunan (BI) – RM 67,400
UNIT	:	NRO
OBJEKTIF	:	i. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai pendekatan Behavioural Insights (BI) dalam kalangan penjawat awam di Wilayah Utara ii. Membagikan kompetensi komuniti BI dalam kalangan penjawat awam di Wilayah Utara iii. Menyokong hasrat kerajaan dalam menambahbaik kualiti peraturan dalam meningkatkan produktiviti negara
IMPAK	:	i. Menerapkan budaya produktiviti dan kefahaman tentang kepentingan <i>Behavioural Insights</i>. ii. Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dalam kalangan penjawat awam iii. Menyokong aspirasi Negara untuk menjadi sebuah Negara berpendapatan tinggi dengan menggunakan konsep <i>Behavioural Insights</i> melalui inisiatif sektor awam dan berpusatkan pertumbuhan rakyat.
KOMEN/TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN BAGI KELULUSAN
LEMBAGA PENGURUSAN (BOM) MPC

**PERMOHONAN BAJET PELAKSANAAN SEMINAR PENINGKATAN PRODUKTIVITI
MELALUI PENDEKATAN BEHAVIOURAL INSIGHTS (BI) DI WILAYAH UTARA**

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC berkaitan Pelaksanaan Seminar Peningkatan Produktiviti Melalui Pendekatan Behavioural Insights (BI) Di Wilayah Utara

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 MPC telah diberi mandat untuk melaksanakan projek *Behavioural Insights (BI)* pada tahun 2020. Pendekatan *Behavioural Insights* dalam penggubalan polisi awam telah banyak digunapakai di negara-negara maju sejak 2010. *Behavioural Insights* merupakan alat polisi yang inovatif bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan intervensi kerajaan. *Behavioural Insights* mengambilkira pelbagai disiplin ilmu seperti sains tingkah laku dan sosial termasuk pembuatan keputusan, psikologi, sains kognitif dan neurosains supaya sesuatu polisi yang digubal lebih berkesan dan mencapai kadar pematuhan peraturan yang tinggi.

2.2 Antara faedah yang boleh dicapai melalui penggunaan kaedah BI di mana ianya boleh dijalankan dengan mudah tanpa melibatkan kos operasi yang tinggi kerana tidak terlalu bergantung kepada penguatkuasaan peraturan atau pemberian insentif seperti sekarang. BI mengambilkira tingkah laku dan bagaimana respond kumpulan sasar terhadap sesuatu peraturan atau dasar yang dibangunkan.

2.3 Seiring dengan hasrat meningkatkan produktiviti di peringkat negeri, beberapa siri seminar peningkatan produktiviti melalui pendekatan Behavioural Insight (BI) akan dijalankan di Wilayah Utara.

3.0 OBJEKTIF

- i. Menerapkan budaya produktiviti dan kefahaman tentang kepentingan *Behavioural Insights*.
- ii. Meningkatkan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan penjawat awam melalui perubahan tingkahlaku dan minda produktif.

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Program ini akan dilaksanakan sebanyak 4 siri seminar kepada penjawat awam bagi 4 buah negeri di Wilayah Uatra iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

NO	RAKAN STRATEGIK	TEMPAT	TARIKH
1	Pejabat SUK Negeri Kedah	KEDAH	2 Ogos 2022
2	Pejabat SUK Negeri Perlis	PERLIS	18 Ogos 2022
3	Pejabat SUK Negeri Pulau Pinang	PULAU PINANG	14 September 2022
4	Pejabat SUK Negeri Perak	PERAK	28 September 2022

5.0 ANGGARAN KOS TERLIBAT

NO	ITEM	ANGGARAN KOS (RM)	UNIT	JUMLAH KOS (RM)
A	BAJET PEMBANGUNAN			
1.	Pakej Seminar (RM 200 x 50 pax)	10,000	4 sesi	40,000
2.	Bayaran penceramah (RM 350 x 4 jam)	1,400	4 sesi	5,600
3.	Promosi/Hebahan/ Kelengkapan Seminar/ Digital Content	5,000	1	5,000
4.	Media release	1000	4 sesi	4,000
5.	Tuntutan Perjalanan (Operasi) Tiket penerbangan pergi balik VIP (KP/TKP) RM1,600 x 4 sesi) Tiket penerbangan/tuntutan perjalanan pegawai (RM400 x 3pax)	7,600	1	7,600
6.	Pakej penginapan Bilik Jemputan VIP- KP/TKP (RM 400) Bilik Pengarah (RM240) Bilik pegawai (RM 220 x 3 pax)	1,300	4 sesi	5,200
	JUMLAH KESELURUHAN			67,400

6.0 CADANGAN / SYOR

Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan cadangan permohonan peruntukan bagi tujuan pelaksanaan Seminar Peningkatan Produktiviti Melalui Pendekatan BI di Wilayah Utara.



**Seminar Peningkatan Produktiviti Melalui
Pendekatan Behavioural Insights (BI) Untuk Penjawat Awam
Di Wilayah Utara**

MASA	AGENDA
9.30 pagi	Pendaftaran Peserta
10.00 pagi	Ucapan Aluan oleh Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara
10.05 pagi	Peningkatan Produktiviti Dalam Perkhidmatan Awam Melalui Pendekatan <i>Behavioral Insights</i>
11.30 pagi	Perkongsian Amalan Terbaik Behavioral Insights
12.30 tengahari	Makan Tengahari
1.00 petang	Program Tamat